



مجلس daerah تنجوع ماليم

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

Peti Surat 59,  
35900 Tanjong Malim,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410

05-4563420

Faks : 05-4563430

05-4563440

Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : Bil(14)dIm.MDTM(L)04/40/01 Jld.7  
Tarikh : 3 R'awal 1444  
30 September 2022

Peniaga / Penjaja  
Pasar Lambak Slim River  
Pasar Lambak Behrang Stesen  
Pasar Lambak Slim Village  
Pasar Pagi Luar Pasar Awam Tanjong Malim

Tuan/Puan,

**NOTIS PEMBERITAHUAN OPERASI PASAR LAMBAK SLIM RIVER, PASAR LAMBAK BEHRANG STESEN, PASAR LAMBAK SLIM VILLAGE DAN PASAR PAGI LUAR PASAR AWAM TANJONG MALIM.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Majlis akan membuka sepenuhnya operasi Pasar Lambak Slim River, Pasar Lambak Behrang Stesen, Pasar Lambak Slim Village dan Pasar Pagi Luar Pasar Awam Tanjong Malim bermula pada 1 Oktober 2022. Sehubungan dengan itu, pihak tuan / puan di minta mematuhi arahan seperti perkara berikut :

- 2.1. Menjalankan perniagaan mengikut petak masing-masing seperti mana yang telah ditetapkan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Mana-mana peniaga yang didapati tidak menjalankan perniagaan selama 3 kali berturut-turut tanpa sebarang alasan boleh menyebabkan lesen dibatalkan. Pemantauan akan dilakukan dari masa ke semasa
- 2.2. Memastikan jumlah pengunjung ke gerai masing-masing dalam keadaan teratur dan tidak bersesak-sesak.
- 2.3. Mengambil segala langkah yang perlu bagi mengurangkan penularan penyakit berjangkit.
- 2.4. Sentiasa memastikan persekitaran tapak perniagaan berada di dalam keadaan bersih, kemas dan tersusun.
- 2.5. Memastikan bayaran lesen telah dijelaskan.
- 2.6. Mematuhi arahan pihak Majlis dari masa ke semasa.

3. **SILA AMBIL PERHATIAN, kegagalan pihak tuan / puan mematuhi arahan perkara 2 di atas boleh menyebabkan lesen tuan / puan dibatalkan dan ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peruntukan 20, Undang-Undang Kecil Penjaja (MDTM) 1984 yang mana sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 1,000.00 (Satu Ribu) atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya sekali dan tindakan denda tidak melebihi RM 200.00 (Dua Ratus) bagi setiap hari kesalahan tersebut dilakukan berterusan.**

**“PERAK MAKMUR RAKYAT SEJAHTERA”**

MAJU DAN JAYA



Ruj. Kami : Bil(14)dIm.MDTM(L)04/40/01 Jld.7  
Tarikh : 3 R'awal 1444  
30 September 2022

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ROSLAN BIN KAMARUZAMAN)**  
Setiausaha  
b.p Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tanjong Malim.  
SAR/mzms

s.k Bahagian Penguatkuasaan,MDTM

**“PERAK MAKMUR RAKYAT SEJAHTERA”**